

16 JUL 2001

Jamuan-Rekod

JAMUAN BERSAMA PM KINI DALAM MALAYSIA BOOK OF RECORDS

MELAKA, 16 Julai (Bernama) -- Jamuan Makan Malam Rakyat Bersama Perdana

Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Sejarah, Air Keroh malam

ini dicatatkan sebagai majlis makan malam terbesar di Malaysia.

Perdana Menteri ketika berucap di majlis itu berkata jamuan sebesar ini

yang berlangsung begitu aman dan tidak diganggu oleh keadaan yang tidak

tenteram menunjukkan perpaduan dan keharmonian kaum di negara ini.

Jamuan itu kini tercatat dalam Malaysia Book of Records sebagai majlis

jamuan yang dihadiri oleh paling ramai orang di negara ini.

Pengarah Urusan Malaysia Book of Records Danny Ooi menyampaikan sijil

pengiktirafan bagi pencapaian bersejarah itu kepada Dr Mahathir untuk

diserahkan kepada Ketua Menteri Melaka Datuk Wira Mohd Ali Rustam.

Dianggarkan lebih 25,000 orang menghadiri jamuan itu dan memecahkan

rekod yang dibuat oleh Negeri Sembilan sebelum ini dengan kehadiran seramai

20,200 orang.

Jamuan itu diserikan dengan persembahan kebudayaan daripada pelbagai

kaum di negeri itu termasuk masyarakat orang Asli dan pertunjukan bunga

api.

Ia turut diserikan dengan bacaan puisi bertajuk "Percakapan Puisi

Untuk Mahathir" dicipta dan disampaikan oleh Noor S.N sendiri.

Sebanyak 2,500 buah meja dengan 10 orang setiap meja disediakan penganjur dan 17 orang mengetuai kerja-kerja menyediakan masakan

untuk

jamuan itu.

Antara makanan yang dihidangkan ialah nasi beriyani dan asam pedas.

Selain itu, seramai 500 petugas bertugas untuk memastikan kelancaran

jamuan berkenaan termasuk menjaga tempat letak kereta.

Jamuan itu dihadiri oleh pelbagai lapisan masyarakat termasuk anggota-anggota pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kakitangan kerajaan,

pertubuhan sukarela, pemimpin parti politik dan pemimpin masyarakat.

-- BERNAMA

APG SBS NO PR

